

23 APR 2001

Mahathir-RMK8 (Penstrukturian Guna Tenaga)

IMBANGAN KAUM DALAM SEKTOR PEKERJAAN DIPERBAIKI, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 23 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan akan mengambil langkah untuk memperbaiki imbalan guna tenaga Bumiputera dan bukan Bumiputera dalam sektor awam dan swasta.

Katanya penumpuan bukan Bumiputera dalam sektor swasta dan Bumiputera dalam sektor awam akan dikurangkan dengan menambah bilangan bukan Bumiputera dalam sektor awam dan dengan sektor swasta mengambil lebih ramai Bumiputera dalam pengurusan, penyeliaan perusahaan dan perniagaan mereka.

Dr Mahathir berkata kerajaan juga akan berusaha meningkatkan penyertaan bukan Bumiputera dalam pasukan polis, tentera dan bidang pendidikan pada semua peringkat.

"Dengan ini, semua kegiatan dalam masyarakat akan mencerminkan kaum-kaum di Malaysia," katanya ketika membentangkan Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8) 2001-2005 di Dewan Rakyat, di sini.

Beliau berkata rakyat Malaysia dari Sabah dan Sarawak juga akan digalakkan bekerja di Semenanjung untuk merapatkan hubungan antara negeri-negeri di Malaysia.

Dr Mahathir berkata pendidikan dan latihan akan terus menjadi jentera penting bagi mencapai objektif penyusunan semula guna tenaga.

Lebih banyak tempat akan disediakan kepada pelajar Bumiputera berkelayakan di institusi pendidikan tinggi awam dan swasta terutamanya dalam kursus sains, teknologi maklumat dan komunikasi serta kursus profesional lain.

Tumpuan juga akan diberi bagi meningkatkan pencapaian pelajar Bumiputera terutamanya dalam mata pelajaran sains, matematik dan bahasa Inggeris.

"Bantuan kewangan yang mencukupi akan diberi kepada Bumiputera untuk menampung yuran yang lebih tinggi di institusi swasta," katanya.

Dr Mahathir juga berkata kerajaan akan terus menangani isu ketidakseimbangan pendapatan terutamanya antara dan dalam kumpulan etnik, kumpulan pendapatan, sektor ekonomi, wilayah dan negeri.

Sebagai sebahagian daripada objektif utama pengagihan pendapatan jangka panjang, negara akan melahirkan kumpulan berpendapatan pertengahan yang lebih besar dan makmur di samping meningkatkan pendapatan golongan berpendapatan rendah.

Dr Mahathir berkata langkah juga akan diambil bagi menggalakkan pekebun kecil dan petani terutamanya yang mempunyai tanah bersaiz kecil dan tidak ekonomi untuk mempelbagaikan kegiatan mereka seperti dalam aktiviti akuakultur dan ternakan serta aktiviti bukan pertanian yang boleh menghasilkan pendapatan lebih tinggi.

"Pada masa yang sama, kerajaan akan mewujudkan mekanisme menambah pendapatan bagi melindungi pekebun kecil dalam tempoh kejatuhan harga komoditi yang teruk di pasaran dunia," katanya.

Mengenai alam sekitar, Dr Mahathir berkata usaha akan terus dibuat bagi meningkatkan kualiti udara dan air, mengurus sisa pepejal dan buangan industri dengan cekap, membangun persekitaran bandar yang sihat serta memulihara habitat dan sumber semula jadi.

Katanya langkah akan diambil ke arah meningkatkan kesedaran orang ramai berhubung soal alam sekitar dengan kerjasama pertubuhan bukan kerajaan, sektor swasta dan media.

-- BERNAMA

MAM MAM NMO